

Sukan Universiti ASEAN 2024

Nur Farrah raih emas pertama

Surabaya: Perasaan seabak mengiringi Nur Farrah Izzati Wallah selepas atlet judo itu merangkul pingat emas pertama kontinjen negara pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024 dalam kategori bawah 52 kilogram (kg) semalam.

Namun penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) boleh tersenyum selepas bakal meraih kemenangan berganda kerana bukan sahaja meraih pingat emas malah RM3,000 menantinya atas insentif memenangi pingat emas itu pada temasya AUG kali ini.

Atlet berusia 23 tahun itu mengakui insentif itu akan digunakan untuk bagi tujuan peribadi sekali gus mengang-

gap kemenangan itu hadir tepat pada masanya.

“Sebelum saya datang ke sini (ke AUG 2024), kereta saya rosak semasa dalam perjalanan ke tempat latihan, itu pun sudah separuh jalan.

“Jadi mungkin ada hikmahlah selama ini,” katanya ketika ditemui selepas perlawanan di Pusat Konvensyen Airlangga.

Terdahulu, Nur Farrah Izzati menafikan hasrat atlet tuan rumah yang bakal beraksi di Sukan Olimpik Paris 2024, Maryam March Maharani untuk merangkul emas selepas penyertaan atlet itu dibatalkan atas kecuiaan sendiri.

Atlet itu didapati memiliki

‘airpod’ dalam poket bajunya dan susulan itu, penyertaan Maryam dibatalkan pengadil sekali gus menyaksikan emas menjadi milik Malaysia.

Dalam perkembangan lain, Nur Farrah turut mengharapkan UPM dapat membantu perkembangan atlet judo di universiti terbabit memandangkan mereka memiliki masa depan yang cerah dalam sukan itu.

“Ketika ini, tiada sukan judo dalam UPM jadi kami terpaksa berlatih di luar dengan pengangkutan sendiri.

“Saya harap UPM akan tubuhkan satu pasukan untuk berlatih dan majukan sukan judo dalam UPM,” katanya.



Nur Farrah (tengah) meraikan kejayaan meraih emas pertama kontinjen negara. (Foto ihsan IPT)